

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

SAU209 - Hubungan Ras dan Etnik

Tarikh: 27 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan ras dan rasisme? Huraikan ciri-ciri masyarakat yang berasaskan kepada sistem rasis dengan mengguna satu kes tertentu (Apartheid, Nazisme, Zionisme, Rasisme Amerika, Rasisme Penjajahan).
2. Teori masyarakat majmuk M.G. Smith telah bertitik-tolak dari teori "masyarakat majmuk" yang dibentuk oleh J.S. Furnivall. Beza dan bandingkan teori-teori mereka.
3. Bagaimanakah perspektif-perspektif kelas menjelaskan hubungan etnik dan ras? Apakah perkara-perkara yang mungkin tidak diliputi oleh pendekatan-pendekatan tersebut.
4. Huraikan maksud konsep-konsep di bawah:
 - (a) demokrasi persemuafakatan
 - (b) bangsa
 - (c) etnosentrisme
 - (d) kelompok taraf
5. Apakah yang dimaksudkan dengan teori "pembahagian kerja budaya"? Bezakan teori ini dengan teori penjajahan dalaman.
6. Bangsa, etnik dan ras adalah gabungan fenomena kelas dan kelompok taraf. Bincangkan.